

Berita Harian

## KPKT teliti cadangan bina loji sisa pepejal di Perak



MENTERI Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin mengadakan kunjungan hormat terhadap Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, di pejabatnya di Ipoh, petang tadi.

IPOH: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan meneliti cadangan membina loji sisa pepejal di negeri ini bagi memastikan pengurusan sisa pepejal menjadi lebih sistematik.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata pembinaan loji sisa itu kelak membabitkan satu Loji Sisa Ke Tenaga (WTE) bersama lima Stesen Pemindahan Sisa Pepejal.

“Dasar kebersihan negara yang mana Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal akan membuat satu pelan induk untuk pengurusan sisa pepejal negeri kerana kita mahu selaraskan pengurusan sisa pepejal.

“Di Perak kita akan membina satu loji sisa dan kita akan berbincang bagi memastikan pengurusan sisa pepejal ini menjadi sistematik, terurus serta lebih cepat dilaksanakan,” katanya selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu, di pejabatnya di sini, petang tadi.

Zuraida berkata, setakat ini perbincangan pelaksanaan projek masih dalam proses rundingan pada peringkat permulaan.

“Kita baru permulaan kerana Perak belum menandatangani Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672). Berdasarkan perbincangan tadi, kita akan berbincang lebih lanjut untuk memeterai bagi mendapatkan modal terbaik untuk melaksanakan akta berkenaan.

“Bagaimanapun, sama ada dengan akta atau tanpa akta berkenaan, kita akan melaksanakan pengurusan sisa pepejal secara menyeluruh di Perak,” katanya.

Beliau berkata, selain Perak, beberapa negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang termasuk Sabah dan Sarawak masih belum menandatangani akta berkenaan.

Sementara itu, Ahmad Faizal berkata, pihaknya akan mendengar dan melihat seluruh pembentangan daripada pihak kementerian untuk memperhalusi cadangan berkenaan.

“Saya akan memberi kerjasama dengan menteri (Zuraida), yang penting dasar kebersihan negara mesti disambut dengan baik,” katanya.